

**MEMPERKASA PENDIDIKAN AKHLAK DI SEKOLAH: SATU
TINJAUAN KONTEKSTUAL DALAM PENDIDIKAN NASIONAL**

Nur Alya Aqilah Mohd Robani^{*1}, Nur Qistina Batrisyia Mohd Jalil¹, Hasni Jahizah Mohamad Johari¹, Juliati Lattu¹, Muhammad Daniel Hakim Zulkifli¹ & Muhamad Hadif Dani Mukhzani¹

¹ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah, Melaka

* 2024222206@student.uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v6i2.7202>

Abstrak**E-JITU**

Acceptence date:
15 July 2023

Valuation date:
30 July 2023

Publication date:
20 October 2023

Artikel ini membincangkan pelaksanaan pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan di Malaysia dengan meneliti konsep, peranan, dasar, cabaran dan strategi penambahbaikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan terhadap pelbagai sumber ilmiah termasuk jurnal, dasar pendidikan, dan karya ulama. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun pendidikan akhlak telah diterapkan dalam kurikulum dan kokurikulum sekolah, pelaksanaannya masih berhadapan dengan cabaran seperti pengaruh rakan sebaya, latar belakang keluarga, kekurangan guru terlatih serta pengaruh media digital. Artikel ini turut mencadangkan pendekatan holistik merangkumi kerjasama antara guru, ibu bapa dan masyarakat; penggunaan teknologi secara bijaksana; serta penilaian sahsiah pelajar secara sistematik. Pendidikan akhlak perlu diberi perhatian menyeluruh agar dapat melahirkan generasi berilmu dan berakhlak mulia selari dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Islam.

Kata kunci: Pendidikan Akhlak, Sistem Pendidikan Malaysia, Sahsiah Pelajar, Nilai Murni, Falsafah Pendidikan Islam.

**EMPOWERING MORAL EDUCATION IN SCHOOLS: A CONTEXTUAL
OVERVIEW WITHIN NATIONAL EDUCATION****Abstract**

This article discusses the implementation of moral education within Malaysia's national education system by examining its concept, role, policies, challenges, and strategies for improvement. The study adopts a qualitative approach through a literature review of various scholarly sources, including journals, educational policies, and works by Islamic scholars. Findings indicate that although moral education has been integrated into both

the curriculum and co-curricular activities in schools, its implementation continues to face challenges such as peer influence, family background, a shortage of trained teachers, and the impact of digital media. This article proposes a holistic approach involving collaboration between teachers, parents, and the community; the wise use of technology; and a systematic assessment of students' character. Moral education must be given comprehensive attention to nurture a generation that is knowledgeable and morally upright, in line with the aspirations of the Islamic Education Philosophy.

Keywords: Moral education, Malaysian education system, student character, noble values, Islamic Education Philosophy.

PENGENALAN

Pelaksanaan pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan di Malaysia merujuk kepada usaha-usaha yang dijalankan untuk membentuk tingkah laku dan sahsiah yang baik dalam kalangan pelajar. Akhlak, yang berasal daripada perkataan Arab khuluq, merujuk kepada adab, perilaku, dan moral yang dimiliki oleh seseorang (Hashim & Langgulung, 2008). Dalam konteks pendidikan, pendidikan akhlak berperanan penting untuk melahirkan individu yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga mempunyai peribadi dan sikap yang mulia (Ibrahim & Abdul Halim, 2013). Oleh itu, pelaksanaan pendidikan akhlak perlu diterapkan secara menyeluruh dalam setiap aspek pendidikan di negara ini.

Sistem pendidikan di Malaysia telah lama menekankan pentingnya nilai murni dalam kalangan pelajar (Ministry of Education Malaysia, 2013). Pendidikan akhlak bukan sahaja berkait dengan agama, tetapi juga nilai kemanusiaan dan keharmonian masyarakat (Abdullah, 2014). Di tengah-tengah cabaran sosial seperti penyalahgunaan media sosial, kes buli, dan isu rasuah, pendidikan akhlak semakin dilihat sebagai elemen penting untuk membentuk generasi muda yang lebih bertanggungjawab dan berintegriti (Othman, 2020).

Isu pelaksanaan pendidikan akhlak ini semakin relevan dengan keadaan sosial yang berlaku pada masa kini. Keberkesanan pendidikan akhlak dalam membentuk individu berakhlak mulia sering kali berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuklah kurangnya kesedaran tentang kepentingannya, dan kekurangan penguatkuasaan dalam sistem pendidikan itu sendiri (Rahim, 2019). Oleh itu, fokus utama dalam kertas kerja ini adalah untuk mengkaji sejauh mana pelaksanaan pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan di Malaysia dapat dilaksanakan dengan berkesan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pendidikan akhlak merupakan tunjang penting dalam membentuk generasi yang seimbang dari sudut intelek dan sahsiah. Walaupun sistem pendidikan di Malaysia telah memasukkan elemen nilai dan moral dalam kurikulum, keberkesananannya dalam membentuk pelajar yang benar-benar berakhlak mulia masih dipersoalkan. Kajian Rahim (2019) menunjukkan wujudnya jurang antara teori pengajaran nilai dan penghayatan sebenar dalam kalangan pelajar. Malah, terdapat kecenderungan dalam kalangan pelajar

untuk memisahkan pencapaian akademik dengan pembentukan akhlak, sedangkan keduanya saling melengkapi.

Tambahan pula, dalam era digital masa kini, pelajar lebih terdedah kepada pengaruh luar seperti media sosial, budaya hedonistik dan gaya hidup individualistik yang bertentangan dengan nilai-nilai murni yang ingin diterapkan. Menurut Othman (2020), kebanyakan pelajar tidak menghayati nilai yang diajar di sekolah disebabkan kurangnya penekanan terhadap pendidikan nilai secara menyeluruh. Ini menjadikan pendidikan akhlak suatu cabaran besar yang memerlukan pendekatan lebih holistik melibatkan keluarga, sekolah dan komuniti. Maka, kajian ini penting untuk meneliti semula keberkesanan pelaksanaan pendidikan akhlak dan mencadangkan penambahbaikan strategik agar ia kekal relevan dalam mendepani cabaran semasa.

SOROTAN LITERATUR

Kajian Rahim (2019) menyorot bahawa pelaksanaan pendidikan moral di sekolah masih lemah dalam membentuk penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar. Kajian ini menegaskan bahawa wujud jurang antara teori pengajaran dengan penerapan nilai sebenar dalam kehidupan harian pelajar. Othman (2020) menambah bahawa era digital memerlukan pendekatan pendidikan akhlak yang lebih fleksibel dan menyesuaikan dengan keperluan semasa pelajar.

Kajian Ismail (2022) menegaskan bahawa kekurangan latihan guru dalam aspek pendidikan nilai merupakan antara kekangan utama dalam pendidikan akhlak. Abdullah (2014) dan Jalaluddin (2018) memberikan asas penting dalam pendidikan akhlak dengan menekankan keperluan integrasi antara pendidikan formal dan tidak formal bagi membentuk pelajar berakhlak mulia.

Yusof dan Mahmud (2022) pula mencadangkan pelaksanaan pentaksiran sahsiah yang sistematik dalam sistem pendidikan untuk mengukur perkembangan akhlak pelajar dengan lebih objektif. Sorotan ini membuktikan bahawa pendidikan akhlak memerlukan kerjasama semua pihak termasuk guru, ibu bapa dan masyarakat dalam mendidik generasi yang berakhlak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan. Data dikumpul dan dianalisis daripada sumber sekunder seperti artikel jurnal, buku ilmiah, laporan dasar pendidikan serta teks agama dan tafsiran ulama berkaitan akhlak. Penulis menganalisis tema-tema utama seperti definisi akhlak, peranan pendidikan akhlak, dasar pelaksanaan, cabaran, serta strategi penambahbaikan dalam konteks sistem pendidikan Malaysia. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengklasifikasikan dapatan dan membina hujah berasaskan bukti ilmiah dan normatif.

PERBINCANGAN**Konsep Pelaksanaan Pendidikan Akhlak Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia**

Menurut Kamus Dewan, pendidikan ialah kata nama terbitan daripada kata akar "didik" yang membawa maksud jaga, pelihara dan ajar. Perkataan "pendidikan" juga sinonim dengan ajaran, latihan, tarbiah, pelajaran, bimbingan, asuhan, dan tunjuk ajar (Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP], 2007). Dalam konteks Islam pula, pendidikan merupakan satu pelajaran atau pendidikan bagi kognitif, fizikal dan roh untuk melahirkan insan yang berperikemanusiaan. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1992) pula memberikan pengertian bahawa pendidikan Islam adalah usaha yang dilakukan oleh pendidik terhadap anak didik untuk pengenalan dan pengakuan tempat-tempat yang benar daripada segala sesuatu dari aturan penciptaan sehingga membimbing mereka ke arah kebaikan.

Dapat difahami, pendidikan merupakan satu proses dan usaha yang praktikal untuk menghasilkan sesuatu, mengubah pandangan atau cara berfikir yang seterusnya membawa kepada paradigma atau perubahan dalam tingkah laku seseorang (Ibrahim & Abdul Halim, 2013). Pendidikan merupakan proses yang berlaku secara berterusan kerana pendidikan bukan hanya boleh didapati di dalam kelas-kelas pengajian sahaja, bahkan daripada pengalaman, pemerhatian, penggunaan akal rasional, dan ilham. Manakala dalam konteks Islam, sumber paling asas untuk pendidikan ialah al-Qur'an dan hadith (Hashim & Langgulung, 2008). Secara umumnya, proses pendidikan terhadap manusia berlaku sejak azali lagi apabila Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 31:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۝۳۱

Maksudnya: Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam AS akan segala nama benda dan kegunaannya, kemudian ditunjukkan kepada malaikat, lalu Dia berfirman, "Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar.

Di samping itu, Islam ialah agama yang amat mementingkan dan menggalakkan umatnya menuntut ilmu. Bahkan al-Qur'an telah memainkan peranan yang cukup penting dalam pembinaan tamadun Islam agar umatnya terus belajar dan belajar serta sering menyelidiki terhadap sesuatu perkara. Perkara ini dibuktikan dalam wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah dalam kalam Allah Surah Al-Alaq ayat 1-5:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝۱ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝۲ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝۳ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝۴ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Maksud: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku. Bacalah, dengan nama Tuhanmu yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Dia mengajarkan manusia perkara yang tidak diketahuinya.

Ayat ini menunjukkan betapa pentingnya pengaruh pendidikan dalam kehidupan seseorang. Lebih-lebih lagi dalam merentas dunia yang serba mencabar pada hari ini. Segalanya berlaku dalam sekelip mata dan berada di hujung jari manusia sahaja. Jadi masyarakat Islam hari ini perlu lebih bertindak agresif dan terkehadapan dalam dunia pendidikan seiring dengan bangsa-bangsa lain.

Sabda Nabi SAW:

من أراد الدنيا فعليه بالعلم، ومن أراد الآخرة فعليه بالعلم ومن أرادهما فعليه بالعلم

Maksud: Barangsiapa yang mengkehendaki dunia maka hendaklah dengan ilmu, sesiapa mengkehendaki akhirat maka hendaklah dengan ilmu dan sesiapa yang mengkehendaki kedua-duanya, maka hendaklah dengan ilmu.

Hubungkait Antara Pendidikan & Akhlak

Pendidikan dan akhlak merupakan dua aspek penting dalam kehidupan manusia yang saling berkait rapat. Menurut Kamus Dewan, pendidikan ialah satu proses untuk mendidik, memelihara dan membimbing seseorang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Dalam Islam pula, pendidikan bukan hanya terbatas kepada aspek ilmu pengetahuan semata-mata, malah ia merangkumi pembangunan akal, fizikal dan rohani agar dapat melahirkan insan yang seimbang dan berakhlak mulia. Seperti yang dihuraikan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas, pendidikan Islam bertujuan untuk mengenal dan mengakui tempat yang benar bagi setiap perkara, serta membimbing manusia ke arah kebaikan (al-Attas, 1992).

Dalam masa yang sama, akhlak pula merujuk kepada tingkah laku dan sifat-sifat dalaman seseorang yang mendorong kepada perlakuan tertentu. Para sarjana Islam seperti Imam al-Ghazali dan Ibn Miskawayh menjelaskan bahawa akhlak ialah keadaan jiwa yang menghasilkan perbuatan secara spontan tanpa perlu pertimbangan akal kerana sudah menjadi kebiasaan (al-Ghazali, 2005.). Maka, jelaslah bahawa akhlak yang baik tidak lahir secara tiba-tiba, tetapi memerlukan proses pembentukan yang berterusan dan di sinilah pentingnya peranan pendidikan.

Pendidikan yang berteraskan nilai-nilai Islam mampu membentuk akhlak seseorang sejak kecil lagi. Apabila seseorang diajar dengan ilmu yang benar dan dibimbing dengan contoh yang baik, maka akan terlahir akhlak yang luhur dalam dirinya. Sebagai contoh, al-Quran telah menunjukkan betapa pentingnya ilmu apabila wahyu pertama yang diturunkan ialah perintah untuk membaca dan menuntut ilmu. Dalam Surah al-‘Alaq ayat 1–5 juga, Allah SWT telah menekankan bahawa manusia diajar melalui tulisan dan pena (al-Quran, 96:1–5). Ini menunjukkan bahawa proses pendidikan amat ditekankan dalam Islam sebagai asas pembinaan insan, termasuk dari sudut akhlaknya.

Selain itu, akhlak Rasulullah SAW yang digambarkan oleh Aisyah RA sebagai “al-Quran yang berjalan” menjadi bukti kukuh bahawa pendidikan melalui wahyu dan didikan secara langsung daripada Allah SWT mampu membentuk akhlak yang paling sempurna (al-Bukhari, 1987). Maka, pendidikan yang berteraskan al-Quran dan sunnah bukan

sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga mendidik hati dan jiwa agar sentiasa cenderung kepada kebaikan.

Kesimpulannya, pendidikan dan akhlak adalah dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Pendidikan yang betul akan melahirkan akhlak yang baik, manakala akhlak yang mulia pula akan memperkukuhkan kesan pendidikan. Oleh itu, dalam membentuk generasi masa depan yang berilmu dan berperibadi unggul, pendidikan mestilah disertai dengan penekanan terhadap pembinaan akhlak yang berterusan.

Peranan Pendidikan Akhlak Dalam Membentuk Sahsiah Insan

Pendidikan akhlak adalah bertujuan untuk mengubah sifat seseorang individu agar menjadi lebih baik daripada sebelumnya. Penerapan pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar merupakan satu kepentingan dan keperluan. Hal ini demikian kerana ia akan membantu mencorak personaliti diri individu dan membentuk insan yang berguna tidak hanya kepada diri sendiri dan keluarga, namun menjadi manusia yang bermanfaat kepada masyarakat, bangsa, agama dan negara. Apabila pendidikan akhlak berjaya diterapkan dalam diri manusia, maka akan membentuk insan yang seimbang secara holistik merangkumi aspek akhlak, akidah, sahsiah dan menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT secara mutlak tanpa keraguan.

Terdapat beberapa peranan pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan termasuklah mampu membentuk jati diri pelajar yang unggul. Jati diri didefinisikan sebagai satu bentuk yang menggambarkan sifat atau ciri yang unik dan istimewa merangkumi aspek intelek, emosi dan sahsiah yang menjadi teras dalam pembentukan sahsiah dan lambang keperibadian seseorang individu yang boleh dilihat melalui adat dan bahasa (Ahmad Zahiruddin & Wan Nasyruddin, 2021). Namun keteguhan jati diri generasi muda pada akhir-akhir ini sering membimbangkan masyarakat apabila negara sering digemparkan dengan pelbagai cerita berkaitan dengan masalah sosial. Perkara ini amat membimbangkan adalah kerana generasi muda merupakan harapan bangsa yang akan menerajui negara pada masa hadapan, tanpa akhlak hancurlah sesebuah kehidupan dan runtuhlah sebuah tamadun.

Oleh itu, Falsafah Pendidikan Islam menetapkan matlamat pengenalan pendidikan akhlak khususnya dalam subjek Pendidikan Islam adalah untuk melahirkan golongan manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT dan mempunyai keseimbangan secara holistik dari aspek rohani, emosi, jasmani dan intelek dalam usaha melahirkan insan yang berketerampilan, berdaya saing yang tinggi, berakhlak mulia, berilmu pengetahuan serta mempunyai jati diri yang unggul (Lubis, 2021). Penghayatan terhadap pendidikan akhlak mampu membangunkan modal insan yang bersepadu kerana dalam kehidupan bermasyarakat, pendidikan yang bertunjangkan amalan nilai murni mampu melahirkan model insan yang beretika dan berbudi pekerti yang tinggi (Dzulkifli & Suhid, 2018). Melalui pendidikan, manusia akan memperoleh pelbagai kelebihan seperti mempunyai ilmu pengetahuan yang baik dan memiliki ketinggian akhlak yang mantap. Justeru itu, pendidikan akhlak yang diperkenalkan mampu membantu membina dan membentuk jati diri murid yang unggul dan berwibawa. Kerana dengan ilmu, murid dapat mengetahui dan mempelajari bahawa setiap tindakan dan ucapan yang dilafazkan akan

menggambarkan personaliti diri individu dan pastinya agama Islam akan dipandang tinggi oleh penganut agama lain dengan akhlak baik yang dipersembahkan.

Peranan pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan juga mampu melahirkan pelajar yang beradab dan berbudi bahasa. Daripada kajian yang dijalankan oleh Siti Norliana Ghazali (2023), menjelaskan bahawa pada dasarnya, suatu ucapan yang menggunakan santun berbahasa merupakan suatu bentuk usaha dalam berinteraksi secara positif sesama manusia. Amalan berbudi bahasa dalam berkomunikasi dapat membentuk kemesraan secara tidak langsung dan mewujudkan perasaan senang dengan orang yang mendengarnya. Dengan amalan berbudi bahasa yang diterapkan semasa berkomunikasi ditambah dengan ujaran bahasa yang berlapik maka dapat menggambarkan tahap kesantunan dalam diri individu serta mewujudkan perasaan senang kepada pendengar. Islam merupakan agama yang mendidik pengikutnya bukan hanya menjaga perlakuan dalam seharian dengan akhlak mahmudah namun juga menekankan adab yang baik semasa berkomunikasi dalam kehidupan seharian.

Amalan berbudi bahasa tidak hanya seharusnya diterapkan semasa bersemuka sahaja, namun dalam dunia maya seperti semasa menggunakan aplikasi media sosial seperti WhatsApp, Instagram, X, Facebook dan sistem aplikasi yang lain juga wajar menggunakan ujaran yang bersopan santun agar kita tidak sewenang-wenangnya menyakit hati orang lain. Kecanggihan teknologi semasa menjadi antara faktor mengapa amalan berbudi bahasa semakin dipinggirkan dalam kehidupan seharian khususnya golongan belia (Romlah Ramli, 2019). Walaupun individu lain tidak mampu melihat diri kita secara bersemuka, namun dengan laras bahasa yang digunakan kita dapat menilai diri seseorang. Demikian, Pendidikan akhlak yang berkesan akan membentuk keperibadian murid yang unggul dengan adab yang mantap dan sentiasa menjaga tutur kata agar tidak menyakiti hati orang lain.

Seterusnya, pendidikan akhlak yang diperkenalkan di sekolah merupakan satu sistem pembelajaran yang sempurna dan sangat bersesuaian dalam membentuk kesedaran pelajar terhadap kehidupan sosial (Hasbullah Mat Daud, 2020). Hal ini kerana, dalam pendidikan akhlak, murid diajar untuk menghormati individu lain walaupun mempunyai perbezaan dari sudut bahasa, agama, bangsa dan budaya. Bahkan, Islam itu sendiri tidak menentang kepelbagaian budaya malah ajaran Islam seiring dengan konsep kepelbagaian budaya kerana kepelbagaian merupakan sebuah perkara yang indah dan boleh membawa manfaat kepada umat Islam. Selain itu, pendidikan akhlak mampu membentuk dan memperkenalkan konsep ta'aruf dengan lebih baik dan mendalam kerana mendidik sikap saling bekerjasama, saling memanfaatkan, dan saling memperkasa antara masyarakat dan melenyapkan sikap saling menjatuhkan dan iri hati terhadap bangsa lain agar hidup dalam keadaan aman, damai dan harmoni (Rosidatun Munawaroh, 2018).

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa pendidikan akhlak merupakan satu sistem pendidikan yang mampu membantu memberi kesedaran terhadap kehidupan sosial kepada pelajar dan mendidik murid untuk saling menghormati kepelbagaian di persekitaran mereka. Tambahan pula, pendidikan yang berkualiti mampu membentuk insan yang terdidik dan berupaya menjadikan negara kita sentiasa dalam keadaan sejahtera dan harmoni kerana rakyatnya yang hidup dalam keadaan aman dan sentosa.

Dasar Dan Strategi Pelaksanaan Pendidikan Akhlak Di Malaysia

Dasar pendidikan akhlak di Malaysia bertujuan untuk membentuk pelajar yang seimbang antara kecemerlangan akademik dan pembentukan akhlak yang mulia. Selain memberikan pengetahuan, sistem pendidikan di Malaysia juga menekankan kepentingan nilai moral dan etika dalam kehidupan seharian pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dengan mengintegrasikan nilai-nilai murni dalam kurikulum, matlamatnya adalah untuk menghasilkan generasi yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berperibadi baik dan bertanggungjawab dalam masyarakat.

Pendidikan Akhlak dalam Sistem Pendidikan di Malaysia bertujuan untuk menggabungkan ilmu agama dan ilmu duniawi dengan cara yang seimbang supaya pelajar dapat mencapai kejayaan dalam bidang akademik sambil mengamalkan akhlak yang baik dalam kehidupan seharian mereka (Nor Aziah Alias, 2017). Konsep ini bukan sekadar memberi tumpuan kepada pencapaian akademik sahaja tetapi juga dapat memupuk perkembangan sahsiah dan peribadi pelajar. Melalui pendekatan ini, pelajar diajar untuk menjadi individu yang lebih seimbang dan bukan hanya cemerlang dalam pelajaran tetapi juga mampu menghayati dan mengamalkan nilai moral dalam kehidupan mereka.

Fokus utama dalam kurikulum adalah untuk menggalakkan pelajar supaya bukan sahaja mempelajari subjek akademik tetapi juga mengamalkan prinsip-prinsip moral dan etika yang penting dalam membentuk karakter yang baik. Dengan memasukkan nilai-nilai seperti kejujuran, kesopanan, tanggungjawab dan empati dalam setiap aspek pendidikan, kerajaan dapat menghasilkan individu yang berpengetahuan, berakhlak mulia, dan dapat memberi sumbangan positif kepada masyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Selain itu, integrasi pendidikan akhlak dalam kurikulum juga bertujuan untuk mendidik pelajar agar mereka memahami kepentingan untuk berinteraksi dengan orang lain secara penuh hormat dan bertanggungjawab. Sebagai contoh, dalam pelajaran agama, pelajar bukan sahaja diajar mengenai doa dan ibadah, tetapi juga tentang akhlak Nabi Muhammad SAW sebagai contoh teladan yang baik (Salleh, 2016).

Melalui penubuhan integrasi pendidikan akhlak dalam kurikulum negara mampu melahirkan generasi yang bukan sahaja berjaya dalam bidang akademik tetapi juga mempunyai integriti yang tinggi dan mampu menghadapi cabaran hidup dengan nilai-nilai moral yang kukuh (Abdullah & Ahmad, 2019). Dengan pendekatan ini, pelajar dilatih untuk menjadi insan yang lebih berguna dan mampu untuk memberikan impak yang positif kepada masyarakat.

Seterusnya, badan Falsafah Pendidikan Islam juga memainkan peranan penting dalam membentuk asas pendidikan akhlak di Malaysia. Dengan cara ini, kerajaan dapat menekankan bahawa pendidikan bukan sekadar untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan luas tetapi juga untuk individu yang mempunyai sahsiah dan akhlak yang baik. Segala proses pendidikan berlandaskan panduan utama umat Islam iaitu Al-Quran dan Hadis yang menjadi rujukan utama dalam membina insan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani (Ismail, 2015). Dalam pendekatan ini, nilai-nilai moral seperti amanah, jujur, sabar, dan menghormati orang lain bukan hanya diajar secara teori, tetapi

juga diterapkan dalam aktiviti harian di sekolah. Matlamatnya adalah untuk memastikan setiap pelajar membesar dengan memahami tanggungjawab sebagai seorang manusia dan anggota masyarakat. Akhlak yang baik bukan dianggap sebagai tambahan, tetapi sebagai perkara asas dalam pembentukan diri seseorang.

Menurut Falsafah Pendidikan Islam, pelajar telah dididik supaya dapat menilai perbuatan mereka berdasarkan prinsip Islam dan sentiasa berusaha untuk menjadi insan yang berguna, bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada orang lain (Jalaluddin, 2018). Pendidikan seperti ini dapat meletakkan asas yang kukuh untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga tinggi nilai moral dan akhlaknya dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, dasar pendidikan bersepadu di Malaysia menekankan gabungan antara pendidikan akademik dan moral untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan dan akhlak. Fokusnya bukan hanya pada kejayaan dalam peperiksaan, tetapi turut merangkumi cara pelajar membentuk peribadi dan mengaplikasikan nilai murni dalam kehidupan seharian. Dalam proses ini, nilai seperti tanggungjawab, hormat-menghormati dan kejujuran dapat diterapkan supaya pelajar membesar sebagai individu yang beradab dan matang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Konsep pendidikan bersepadu ini selari dengan ajaran Islam yang menekankan keseimbangan antara dunia dan akhirat. Dalam Islam, ilmu tanpa akhlak boleh membawa kepada keburukan manakala akhlak tanpa ilmu pula boleh menyebabkan kelemahan. Nabi Muhammad SAW juga diutus untuk menyempurnakan akhlak manusia dan menunjukkan betapa pentingnya nilai moral dalam kehidupan (Rahman, 2014). Oleh itu, pendidikan di sekolah bukan sahaja menyampaikan ilmu duniawi tetapi juga membimbing pelajar agar berpegang kepada prinsip Islam dalam setiap tindakan mereka.

Secara keseluruhan, pendekatan ini bertujuan untuk membentuk generasi yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik tetapi juga mampu menyumbang secara positif kepada masyarakat dengan akhlak yang baik dan pemikiran yang bijaksana.

Akhir sekali, aktiviti kokurikulum juga memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk akhlak dan nilai moral dalam kalangan pelajar. Melalui penyertaan dalam sukan, kelab dan pelbagai aktiviti berkumpul, pelajar bukan sahaja dapat mengembangkan bakat dan minat tetapi juga mampu untuk belajar bagaimana untuk bekerjasama, berdisiplin dan memikul tanggungjawab (Hassan, 2016). Semua ini adalah nilai asas yang sangat diperlukan dalam kehidupan bermasyarakat. Aktiviti seperti ini juga menjadi ruang latihan untuk pelajar mempraktikkan nilai-nilai yang dipelajari secara teori. Sebagai contoh, semangat berpasukan dalam sukan mengajar erti tolak ansur, kesabaran dan saling membantu. Apabila pelajar diberikan tanggungjawab dalam sesebuah organisasi, mereka dapat belajar tentang amanah, kejujuran dan kepimpinan iaitu nilai-nilai yang juga sangat ditekankan dalam Islam.

Dalam konteks Islam, akhlak yang baik bukan hanya terbentuk melalui pengajian agama tetapi juga melalui pengalaman dan pergaulan yang sihat. Rasulullah SAW sendiri menunjukkan contoh kepimpinan dan adab yang tinggi dalam berurusan dengan

masyarakat (Mohd Noor, 2015). Oleh itu, penyertaan aktif dalam aktiviti kokurikulum merupakan salah satu cara yang berkesan untuk melatih pelajar menjadi insan yang bukan sahaja berilmu tetapi juga berakhlak dan mampu membawa nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Cabaran Dalam Melaksanakan Akhlak Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia.

Pendidikan akhlak merupakan asas penting dalam pembentukan sahsiah pelajar, namun pelaksanaannya dalam sistem pendidikan Malaysia perlu berdepan pelbagai cabaran yang sukar. Cabaran ini dapat dilihat dari pelbagai aspek, terutamanya dari sudut peranan guru dan dasar yang digubal oleh pihak Kerajaan. Sebagai permulaan, wajar dilihat terlebih dahulu cabaran dari aspek dasar yang digubal oleh pihak Kerajaan. Antara cabaran dalam melaksanakan akhlak dalam sistem pendidikan di Malaysia ialah pelaksanaan dasar yang telah dirangka oleh Kerajaan. Kerajaan Malaysia telah menggubal pelbagai dasar seperti Kokurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 hingga 1988 dan Kokurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 hingga 1993 (Thambu, 2022).

Dasar ini menekankan tentang nilai-nilai murni. Beberapa program turut dilaksanakan di bawah dasar ini, antaranya ialah Program Nilam dan Kem Bina Sahsiah. Namun begitu, cabaran yang terlibat dalam melaksanakan dasar ini adalah murid kurang menghayati secara mendalam tentang program yang dilaksanakan bawah dasar tersebut. Contohnya, dalam Kem Bina Sahsiah diri walaupun pelajar harus menyertai pelbagai aktiviti berkaitan dengan pembinaan akhlak, malangnya pelajar masih tidak menghayati tentang program tersebut. Selain itu, dasar ini sukar untuk dilaksanakan atas kekangan kewangan kerana memerlukan peruntukan besar untuk menjayakan sesuatu program. Akhir sekali, kekurangan guru yang terlatih dalam bidang akhlak juga menyebabkan sekolah sukar untuk mengikut dasar yang telah digubal oleh Kerajaan Malaysia (Thambu, 2022).

Oleh itu, kerajaan perlu menilai semula pendekatan pelaksanaan pendidikan akhlak agar lebih berkesan, termasuklah memperkukuh latihan guru, meningkatkan pemantauan serta memastikan nilai akhlak diterapkan secara menyeluruh supaya dapat membentuk akhlak pelajar menjadi lebih baik.

Selain cabaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan, peranan guru juga penting dalam melaksanakan pendidikan akhlak. Guru sering kali berdepan dengan pelbagai masalah pelajar, justeru mereka memainkan peranan utama dalam membentuk akhlak pelajar. Antara cabaran yang sukar untuk diatasi dalam melaksanakan akhlak dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah guru perlu berhadapan dengan latar belakang keluarga pelajar yang bermasalah (Ismail, 2022). Hal ini kerana pelajar lebih mudah terpengaruh dengan keluarga kerana yang pertama mencorakkan seseorang peribadi itu dari kecil adalah keluarga. Contohnya, segelintir keluarga Islam di Malaysia menganggap bahawa percintaan dalam kalangan remaja itu adalah sesuatu perkara yang biasa. Hal ini akan menyebabkan akhlak seorang pelajar runtuh kerana dibesarkan di dalam persekitaran yang tidak menitikberatkan soal agama. Ini menyebabkan guru sukar untuk melaksanakan akhlak dalam sistem pendidikan di Malaysia kerana pengaruh keluarga seseorang itu bertentangan dengan apa yang ingin diterapkan di sekolah.

Selain latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya turut menjadi cabaran besar kepada guru dalam menerapkan pendidikan akhlak di sekolah (Ismail, 2022). Hal ini kerana, selain keluarga, rakan juga merupakan insan yang penting dalam kehidupan seorang remaja sehingga mereka meletakkan kedudukan rakan itu setaraf dengan kedudukan keluarga dan remaja berpendapat bahawa perkara yang dilakukan oleh rakan mereka adalah sesuatu yang menyeronokkan dan wajar mereka ikuti. Jika pelajar dikelilingi oleh rakan yang mempunyai akhlak yang lemah, seperti suka melanggar peraturan, bercakap kasar, atau terlibat dalam gejala sosial, maka mereka mudah terpengaruh untuk melakukan perkara yang sama. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (No: 5534) dan Muslim (No: 2628):

مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالْجَلِيسِ السَّوِّءِ، كَمَثَلِ الْمِسْكِ، وَنَافِخِ الْكَيْبَرِ، فَحَامِلُ الْمِسْكِ، إِمَّا أَنْ يُحْدِثَكَ، وَإِمَّا أَنْ تَنْبَاعَ مِنْهُ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً، وَنَافِخِ الْكَيْبَرِ، إِمَّا أَنْ يُحْرِقَ ثِيَابَكَ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ رِيحًا خَبِيثَةً

Maksudnya: "Perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti penjual minyak wangi dan tukang besi. Penjual minyak wangi mungkin akan memberimu minyak wangi, atau engkau membeli daripadanya, atau engkau mendapat bau harum daripadanya. Manakala tukang besi, boleh jadi baju mu terbakar kerananya, atau kamu mendapat bau yang busuk."

Hadis ini menunjukkan kepentingan memilih teman atau kawan yang baik kerana merekalah yang akan membentuk peribadi dan akhlak kita. Hal ini menyebabkan guru sukar untuk membimbing pelajar tersebut kerana murid menerima pengaruh yang negatif di luar bilik darjah dan ianya bertentangan dengan apa yang diajar oleh guru di dalam bilik darjah. Akhir sekali, teknologi yang berleluasa menyukarkan guru untuk melaksanakan pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini kerana rangkaian internet sebagai gudang terbesar di dunia dan bidang komunikasi yang luas merupakan sumber bahan berbahaya yang merosakkan identiti seorang Muslim kerana tidak semua sumber atau bahan yang berada di internet ditapis terlebih dahulu sebelum dimuat naik. Akses yang mudah kepada internet, media sosial dan kandungan digital tanpa kawalan menjadikan pelajar terdedah kepada pengaruh negatif seperti hiburan melampau, budaya luar yang tidak berakhlak serta gejala buli siber. Hal ini menyukarkan usaha guru untuk membentuk akhlak pelajar kerana pengaruh luar sering bercanggah dengan nilai murni yang ingin diterapkan di sekolah (Rahman, 2021).

Kesimpulannya, Ibnu Qayyim di dalam kitabnya menyebut bahawa: "Anak kecil pada zaman kanak-kanaknya sangat memerlukan seseorang untuk membina dan membentuk akhlaknya, kerana dia akan membesar mengikut kebiasaan dia dididik. Jika seorang anak selalu dibiasakan dengan sifat pamarah dan keras kepala, tidak sabar dan bersikap tergesa-gesa, menurut hawa nafsu, panas baran dan rakus, maka semua sifat itu akan sukar diubah apabila dewasa. Namun jika seorang anak dipelihara, dijaga dan dilarang melakukan segala keburukan tersebut, pasti dia akan terhindar daripada sifat buruk itu. Oleh yang demikian, jika bertemu dengan seorang dewasa yang berakhlak buruk dan berada dalam kesesatan, ia merupakan akibat kesilapan pendidikan pada waktu kecilnya dahulu" (Ibnu Qayyim, t.t).

Oleh itu, akhlak mestilah diterapkan sewaktu kecil supaya remaja mudah dibentuk apabila telah meningkat dewasa dan dapat melahirkan remaja yang berakhlak mulia.

Cadangan Penambahbaikan Bagi Memperkukuh Pendidikan Akhlak Di Malaysia

Pada masa kini, pelaksanaan pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan di Malaysia perlu diberi perhatian yang lebih menyeluruh dan mendalam. Seiring dengan perkembangan dunia moden yang begitu pesat, pendidikan akhlak perlu dilaksanakan secara strategik dan holistik agar dapat terus relevan dalam membentuk generasi pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik malah turut cemerlang dari segi sahsiah dan nilai moral dalam diri mereka. Hal ini penting agar nilai-nilai murni dapat diterapkan secara konsisten dalam kalangan pelajar (Mohamad & Hamzah, 2020). Oleh itu, pelbagai cadangan penambahbaikan yang berasaskan pendekatan inklusif dan menyeluruh perlu dipertimbangkan agar pelaksanaan pendidikan akhlak dapat ditambah baik dari semasa ke semasa.

Antara cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk memperkukuh pendidikan akhlak di Malaysia adalah dari aspek latihan dan pembangunan profesional guru turut wajar diberi keutamaan dalam agenda pembaharuan pendidikan akhlak. Hal ini demikian kerana guru merupakan tunjang utama dalam sistem pendidikan dan memainkan peranan yang sangat penting sebagai pembimbing moral serta suri teladan kepada pelajar (Hassan et al., 2019). Oleh yang demikian, guru bukan sahaja perlu mahir dalam bidang akademik, malah mereka juga harus dilengkapi dengan kemahiran pedagogi untuk menyampaikan nilai dan akhlak dengan lebih berkesan. Justeru itu, pelaksanaan kursus latihan secara berterusan, bengkel pembangunan sahsiah, serta modul khas berkenaan teknik penyampaian berkenaan pengukuhan akhlak dan penilaian moral perlu disediakan secara sistematik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan cara ini, guru akan lebih bersedia dan lebih berkeyakinan dalam melaksanakan pendidikan akhlak secara menyeluruh di dalam bilik darjah serta untuk interaksi harian bersama pelajar.

Selain itu, memupuk kerjasama antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat setempat juga harus diperkukuh bagi memastikan pendidikan akhlak dapat diterapkan secara konsisten dalam pelbagai konteks kehidupan pelajar. Hal ini penting kerana pendidikan akhlak tidak seharusnya bergantung kepada guru atau sekolah semata-mata. Sebaliknya, ia memerlukan pendekatan yang lebih efektif yang merangkumi semua pihak dalam ekosistem pendidikan (Zakaria & Wahab, 2021). Misalnya, ibu bapa boleh diberi pendedahan melalui bengkel keibubapaan dan forum kekeluargaan mengenai cara mendidik anak-anak dengan nilai-nilai murni di rumah. Pihak sekolah pula boleh menganjurkan program kemasyarakatan seperti gotong-royong, ceramah motivasi, dan aktiviti khidmat komuniti yang melibatkan pelajar secara langsung. Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja dapat diajar tentang sesebuah nilai yang ada, malah dapat mengamalkannya dalam persekitaran harian sekali gus menjadikan pendidikan akhlak lebih bermakna dan berkesan dalam kehidupan mereka.

Seterusnya, cadangan yang dapat dilaksanakan ialah penggunaan teknologi secara positif dan berhemah yang seharusnya wajar dimanfaatkan dalam memperkukuh pendidikan akhlak di Malaysia, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang begitu taksu

dengan dunia digital yang semakin canggih. Teknologi boleh menjadi salah satu alat yang ampuh jika digunakan dengan sebaiknya. Sebagai contoh, kandungan media seperti video pendek, animasi, infografik, dan podcast yang berunsur nilai akhlak dan moral boleh dihasilkan serta disebarkan melalui platform digital seperti YouTube, TikTok, dan Instagram. Kandungan tersebut perlu dirancang secara kreatif agar mampu menarik perhatian pelajar dan memberi impak kepada cara mereka berfikir serta tingkah laku mereka (Salleh & Abas, 2020). Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga boleh membangunkan portal atau aplikasi khas yang mengandungi bahan pembelajaran interaktif berasaskan pengukuhan akhlak seseorang. Pendekatan ini bukan sahaja menjadikan pendidikan akhlak lebih menarik, malah menjadikannya lebih mudah diakses, difahami dan lebih dekat dengan dunia pelajar masa kini (Hamzah & Ramli, 2021).

Di samping itu, penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum juga perlu diberi penekanan sebagai medium penting untuk memupuk akhlak dan sahsiah yang terpuji. Aktiviti luar bilik darjah seperti pengakap, kadet, persatuan kelab kebajikan, sukan dan debat juga turut menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina kepimpinan, bekerjasama, dan mempraktikkan nilai-nilai seperti disiplin, toleransi, amanah dan empati (Ibrahim & Kamaruddin, 2021). Oleh itu, pihak sekolah wajar merancang dan melaksanakan program kokurikulum yang tidak hanya menumpukan kepada pencapaian prestasi tetapi juga berteraskan pembangunan sahsiah untuk membentuk diri seseorang pelajar lebih berakhlak mulia. Justeru itu, latihan kepimpinan, projek khidmat masyarakat, serta program mentor-mentee boleh menjadi salah satu saluran penting untuk membentuk pelajar yang seimbang dari segi intelek dan akhlak.

Tambahan pula, pemantauan dan penilaian secara holistik terhadap perkembangan akhlak pelajar perlu diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia sebagai satu mekanisme untuk memastikan nilai-nilai yang diterapkan benar-benar membuahkan hasil. Pada masa ini, sistem pendidikan lebih menumpukan kepada penilaian akademik semata-mata dan kurangnya penelitian terhadap sahsiah dan akhlak pelajar. Oleh hal yang demikian, sudah tiba masanya untuk Kementerian Pendidikan memberi perhatian yang sewajarnya dalam membentuk pentaksiran alternatif dari aspek tingkah laku, sahsiah dan penghayatan akhlak pelajar (Yusof & Mahmud, 2022). Contohnya, laporan sahsiah oleh guru, maklum balas daripada rakan sebaya serta penilaian melalui penyertaan dalam program pengukuhan akhlak dan aktiviti sosial boleh dijadikan asas dalam menilai tahap pembentukan akhlak pelajar. Pentaksiran ini bukan bertujuan untuk menghukum tetapi sebagai panduan untuk pelajar memperbaiki diri dan menilai perkembangan sahsiah mereka secara berterusan.

Akhir sekali, cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan ialah dari segi dasar pendidikan negara sendiri yang perlu sentiasa dikaji semula dan ditambah baik agar sentiasa relevan dengan cabaran semasa. Pihak kerajaan dan pembuat dasar perlu bertanggungjawab untuk meletakkan pendidikan akhlak sebagai salah satu keutamaan dalam sebarang pelan pembangunan pendidikan di Malaysia. Hal ini kerana aspek polisi dan garis panduan yang jelas serta pelaksanaan yang menyeluruh akan memastikan pendidikan akhlak tidak hanya menjadi sebuah elemen sampingan tetapi ia juga dapat

menjadi sebuah komponen teras dalam sistem pendidikan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

KESIMPULAN

Tuntasnya, pelaksanaan pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha penting dalam membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, malah turut memiliki sahsiah dan nilai moral yang tinggi. Berdasarkan dasar yang telah digubal oleh pihak kerajaan seperti pengintegrasian nilai-nilai akhlak dalam kurikulum, pelaksanaan program kokurikulum, dan latihan kepada guru, jelas menunjukkan bahawa pendidikan akhlak diberi perhatian serius (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Namun begitu, pelbagai cabaran tetap wujud dalam usaha merealisasikan matlamat ini. Antaranya ialah kurangnya kesedaran dan penghayatan dalam kalangan pelajar terhadap nilai-nilai murni, kekangan kewangan sekolah, serta latar belakang keluarga yang kurang menyokong pembangunan akhlak pelajar (Ismail, 2022). Oleh itu, semua pihak termasuk kerajaan, guru, ibu bapa dan masyarakat perlulah berganding bahu bagi memastikan nilai-nilai akhlak dapat diterapkan secara menyeluruh dan berkesan. Pelaksanaan yang holistik dan berterusan amat diperlukan supaya sistem pendidikan kita mampu melahirkan generasi muda yang seimbang dari segi intelek dan akhlak serta mampu memberi sumbangan positif kepada negara (Yusof & Mahmud, 2022). Dengan itu, matlamat untuk membentuk insan yang berintegriti, bertanggungjawab dan berakhlak mulia dapat dicapai dengan jayanya.

RUJUKAN

- Abdullah, M. R. T. L. (2014). Pendidikan moral dan pembentukan akhlak pelajar. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad ibn Hanbal. (n.d.). Musnad Ahmad ibn Hanbal (Hadith No. 23408).
- Ahmad Zahiruddin, A. Z., & Wan Nasyruddin, W. D. (2021). Pembentukan jati diri dalam kalangan pelajar: Satu tinjauan umum. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 22(1), 12–20.
- al-Attas, S. M. N. (1992). The concept of education in Islam. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- al-Ghazali, A. H. M. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din* (Vol. 3). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amin, A. (1975). *Etika: Ilmu akhlak* (Mohd. Salleh Hj. Awang, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, A., & Abdul Halim, A. (2013). Pendidikan moral dan nilai dalam sistem pendidikan kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 9–15.
- Ismail, N. (2022). Cabaran pendidikan akhlak dalam kalangan remaja: Perspektif guru. *Jurnal Pendidikan Islam*, 37(1), 55–64.
- Jalaluddin, M. (2018). Nilai moral dan pendidikan Islam di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kementerian Pendidikan Malaysia.



- Othman, N. (2020). Cabaran pendidikan akhlak dalam era digital. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 23–30.
- Rahim, N. A. (2019). Keberkesanan pengajaran pendidikan moral di sekolah menengah. *Journal of Moral Education*, 45(2), 112–120.
- Yusof, M. (2010). *Akhlak Rasulullah: Contoh teladan sepanjang zaman*. PTS Publications.
- Yusof, N. S., & Mahmud, N. (2022). Pentaksiran sahsiah dan akhlak: Keperluan dalam sistem pendidikan abad ke-21. *Jurnal Psikologi Pendidikan dan Kaunseling*, 12(1), 15–29.